



Headline: Duit RM791,000 lesap  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 12 October 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 14



**MANGSA** membuat transaksi kepada sindiket penipuan *Macau Scam* di dua buah bank yang terdapat di Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu.

Guru ditipu pegawai polis palsu Bukit Aman

## Duit RM791,000 lesap

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Wang sebanyak RM791,000 milik seorang guru berusia 51 tahun dari Wakaf Tengah, Kuala Nerus lesap selepas menjadi mangsa sindiket *Macau Scam* baru-baru ini.

Sumber berkata, lelaki itu hanya menyedari tertipu apabila akaun bank miliknya hanya tinggal RM208 sebelum membuat laporan di Balai Polis Kuala Terengganu di sini kelmarin.

Menurutnya, kejadian bermula apabila mangsa menerima panggilan daripada seorang wanita tidak dikenali pada 21 Disember tahun lalu yang mendakwa dia masih memiliki pinjaman tertunggak sebanyak RM50,000.

"Talian itu kemudian disambung kononnya ke Balai Polis Seri Kembangan, Selangor. Individu bernama Sarjan Fakrul pula mendakwa mangsa terlibat dalam perubahan wang haram

berjumlah RM2.3 juta.

"Mangsa diarahkan untuk menyewa bilik di sebuah resort di Kuala Nerus kononnya bagi memudahkan proses soal siasat," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sumber berkata, sepanjang berada di resort itu, mangsa perlu melaporkan diri kepada seorang lagi suspek kononnya pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman bernama Chong.

Ujarnya, lelaki itu kemudian mengikut arahan supaya membuka akaun baharu di sebuah bank sebelum memindahkan RM400,000 wang simpanan Amanah Saham Bumiputera miliknya ke akaun tersebut kononnya untuk siasatan Bank Negara pada 5 Januari lalu.

"Dia juga membuat pembiayaan peribadi sebanyak RM378,000 dari dua buah bank.

"Daripada jumlah itu, RM348,000 dipindahkan ke

akaun baharu yang dibuatnya bagi membayar ikat jamin dan modal keupayaan kewangan kononnya arahan sebuah mahkamah di Sabah," katanya.

Sumber berkata, mangsa seterusnya memasukkan lagi RM43,000 ke akaun selepas diarah suspek kononnya bayaran ikat jamin tambahan.

"Chong memberitahu, kes itu akan selesai dan bungkusan berisi surat mahkamah dan pembatalan pinjaman bank akan dihantar kepadanya pada 20 Ogos lalu.

"Mangsa menyedari tertipu apabila masih tidak menerima bungkusan itu dan baki akaun banknya tinggal RM208," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M. Zambri Mahmud mengesahkan menerima laporan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.